

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persiapan Kerajaan daripada sudut fasiliti dan peruntukan kewangan sekiranya Undi18 dilaksanakan sepenuhnya di dalam pilihan raya umum yang akan datang.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa bersedia bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15.

SPR telah membuat persediaan dan perancangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia dan latihan kepada petugas. Persediaan ini turut mengambil kira keperluan pertambahan bilangan pemilih berikutan penurunan had umur pemilih kepada 18 tahun. Berdasarkan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), purata pertambahan bilangan pemilih berusia 18 tahun adalah sebanyak 500 ribu orang setahun.

SPR juga akan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi tambahan ke atas daerah mengundi yang mempunyai bilangan pemilih yang tinggi. Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi ini akan dilaksanakan oleh SPR dari semasa ke semasa selaras dengan Seksyen 7 (2) Akta Pilihan Raya 1958. SPR akan memastikan pewujudan pusat-pusat mengundi baharu ini akan memudahkan pemilih untuk keluar mengundi pada masa hadapan.

SPR menganggarkan keperluan peruntukan sebanyak RM 1.4 bilion bagi melaksanakan PRU Ke-15 berikutan pertambahan bilangan pemilih 18 tahun serta pelaksanaan Garis Panduan COVID-19 bagi Pelaksanaan Pilihan Raya dan juga aspek-aspek lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.